

SULIT

SEJARAH

1249/1

Kertas 1

Ogos/September

Satu jam



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
NEGERI SEMBILAN**

**PROGRAM PENINGKATAN AKADEMIK TINGKATAN 5
SEKOLAH-SEKOLAH MENENGAH NEGERI SEMBILAN 2024**

JANGAN BUKA KERTAS PEPERIKSAAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan.*
2. *Jawab **semua** soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.*

Kertas peperiksaan ini mengandungi **14** halaman bercetak.

- 1 Apakah ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu sebelum kedatangan Barat?
- A Kerajaan
 - B Kedaulatan
 - C Wilayah pengaruh
 - D Lambang kebesaran
- 2 Apakah peranan pembesar peringkat jajahan dalam Kesultanan Melayu Melaka?
- A Menguruskan pentadbiran negara
 - B Menjadi pemangku sultan
 - C Mewujudkan perpaduan
 - D Menjaga keamanan

- 3 Maklumat berikut berkaitan perkembangan idea nasionalisme di Barat.

- Revolusi Keagungan (1688)
- Revolusi Perancis (1789)

Mengapakah revolusi tersebut berlaku?

- A Mengukuhkan kuasa tentera
 - B Mengelakkan penjajahan asing
 - C Menentang pemerintahan beraja
 - D Menuntut kemerdekaan wilayah
- 4 Maklumat berikut berkaitan tokoh nasionalisme di Tanah Melayu pada abad ke-20.

- Harun Aminurrashid
- Ishak Haji Muhammad (Pak Sako)

Bagaimanakah tokoh tersebut berjaya meningkatkan semangat nasionalisme dalam kalangan rakyat?

- A Menubuhkan persatuan politik
- B Menghasilkan penulisan kreatif
- C Melahirkan golongan intelektual
- D Memodenkan sistem pendidikan

- 5 Maklumat berikut berkaitan Persidangan Damai Paris.

Persidangan ini melahirkan Deklarasi 14 Perkara Woodrow Wilson
--

Apakah prinsip utama deklarasi tersebut?

- A Rakyat menentukan nasib negara
 - B Kedaulatan berasaskan saiz tentera
 - C Raja menentukan sempadan negara
 - D Kekuasaan menjadi lambang kemegahan
- 6 Mengapakah pentadbiran tentera Jepun memberi peluang kenaikan pangkat kepada pemimpin tempatan yang berpendidikan tinggi?
- I Mengatasi kekurangan pegawai
 - II Menjimatkan kos perbelanjaan
 - III Menjamin kelicinan pentadbiran
 - IV Mendapatkan sokongan penduduk
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 7 British Military Administration (BMA) bermula di Tanah Melayu pada 12 September 1945.
- Apakah tugas BMA?
- I Memulihkan kepercayaan rakyat
 - II Menjaga keharmonian penduduk
 - III Memberikan kuasa kepada sultan
 - IV Mengembalikan kestabilan dan keamanan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 8 Maklumat berikut merupakan Ahli Parlimen British yang meninjau penentangan orang Melayu terhadap Malayan Union.

- L.D. Gammans
- David Rees William


Apakah yang berlaku ketika tinjauan tersebut?

- A Tunjuk perasaan
- B Rusuhan jalanan
- C Pergaduhan kaum
- D Perintah berkurung
- 9 Maklumat berikut berkaitan pihak yang menentang penubuhan Jawatankuasa Kerja.

- Pusat Tenaga Rakyat (PUTERA)
- All Malayan Council of Joint Action (AMCJA)

Mengapakah penentangan tersebut berlaku?

- A Kerakyatan jus soli diterima
- B Negara persekutuan dibentuk
- C Tidak mewakili semua pihak
- D Perkongsian kuasa dilaksanakan
- 10 Rajah berikut menunjukkan perubahan pentadbiran di Tanah Melayu.



Mengapakah berlaku perubahan tersebut?

- I Desakan orang dagang
- II Tuntutan pelabur asing
- III Sokongan pentadbir British
- IV Cadangan Raja-raja Melayu
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

- 11 Partai Komunis Indonesia (PKI) telah berusaha untuk membuka cawangan di Tanah Melayu.

Apakah faktor yang mendorong PKI bertindak sedemikian?

- A Kekejaman tentera Jepun
- B Keinginan meluaskan pengaruh
- C Kegagalan menguasai Pulau Jawa
- D Kekosongan politik di Tanah Melayu

- 12 Jadual berikut berkaitan peristiwa yang berlaku di Tanah Melayu.

Tahun	Peristiwa
16 Jun 1948	Pembunuhan tiga orang pengurus ladang British di Sungai Siput, Perak.

Apakah kesan daripada peristiwa tersebut?

- A Undang-Undang Darurat diisytiharkan
- B Parti Komunis Malaya diharamkan
- C Pasukan keselamatan diperkukuh
- D Rancangan Briggs diperkenalkan

- 13 Dato' Onn Jaafar menubuhkan Independence of Malayan Party (IMP) selepas tahun 1949.

Apakah asas penubuhan parti tersebut?

- A Perpaduan kebangsaan
- B Penyatuan bangsa
- C Berasaskan Islam
- D Bercorak radikal

- 14 Apakah kepentingan Sistem Ahli kepada penduduk tempatan di Tanah Melayu?

- A Menggubal perlembagaan merdeka
- B Menentukan syarat kewarganegaraan
- C Menetapkan pelaksanaan pilihan raya
- D Melatih penduduk tempatan mentadbir

- 15 Mengapakah pilihan raya peringkat awal di Persekutuan Tanah Melayu penting kepada negara kita?
- A Menjamin hak asasi rakyat
 - B Mengelakkan pemusatan kuasa
 - C Melaksanakan amalan demokrasi
 - D Mendapatkan sokongan penduduk
- 16 Apakah peranan Majlis Perundangan Persekutuan (MPP) yang telah dibentuk selepas pilihan raya 1955?
- A Mentadbir negara
 - B Memilih wakil kerajaan
 - C Menggubal undang-undang
 - D Membentuk Kerajaan Persekutuan
- 17 Gambar berikut berkaitan seorang tokoh yang terlibat dalam kemerdekaan negara.



Sheikh Abdullah Fahim

Apakah peranan tokoh tersebut?

- A Mewakili Raja-raja Melayu
- B Menyusun strategi perjalanan
- C Menentukan tarikh kemerdekaan
- D Mengetuai rombongan ke London

- 18 Anda merupakan seorang anggota Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

Apakah peranan anda dalam menggubal perlembagaan tersebut?

- I Mewujudkan kerajaan pusat yang kuat
 - II Memperkenalkan jawatan Yang di-Pertuan Agong
 - III Menjadikan agama Islam sebagai agama persekutuan
 - IV Mengiktiraf bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 19 Maklumat berikut berkaitan jawatankuasa yang terlibat dalam persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

- Menganjurkan kursus protokol
- Memberi gaji awal kepada pegawai kerajaan
- Menempah 75 ribu bendera Persekutuan Tanah Melayu

Apakah jawatankuasa tersebut?

- A Jawatankuasa Sambutan
 - B Jawatankuasa Persediaan Fizikal
 - C Jawatankuasa Kerja Pusat Merdeka
 - D Jawatankuasa Pusat Perayaan Merdeka
- 20 Kemerdekaan yang diperoleh telah meninggalkan kesan dari aspek politik terhadap negara kita.

Apakah kesan tersebut?

- A Menubuhkan Jabatan Penerangan
- B Menyertai pertubuhan Komanwel
- C Melancarkan Rancangan Buku Merah
- D Melaksanakan sistem Demokrasi Berparlimen



- 21 Kedaulatan penting untuk negara melaksanakan dasar kemakmuran ekonomi. Mengapakah dasar tersebut dilaksanakan?
- A Mewujudkan perpaduan kaum
 - B Meningkatkan taraf hidup rakyat
 - C Memperkukuh hubungan diplomatik
 - D Meningkatkan sistem pertahanan negara
- 22 Antara berikut, manakah peranan rakyat dalam mengukuhkan pertahanan negara?
- I Memodenkan aset ketenteraan
 - II Menggubal dasar dan undang-undang
 - III Mengelakkan kolaborasi dengan pihak luar
 - IV Menganggotai pasukan keselamatan negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 23 Maklumat berikut berkaitan ciri moden Perlembagaan Persekutuan.

- Kewarganegaraan
- Sistem Demokrasi Berparlimen
- **X**

Apakah X?

- A Kerajaan Persekutuan
- B Pemerintahan Beraja
- C Bahasa Melayu
- D Agama Islam

- 24 Tunku Abdul Rahman telah membawa usul pindaan perlembagaan di Parlimen pada 7 Ogos 1965.


Mengapakah beliau bertindak sedemikian?

- A Pemisahan Singapura
- B Pembentukan Malaysia
- C Penubuhan Mahkamah Atasan
- D Pelantikan Yang di-Pertua Negeri

- 25 Antara berikut yang manakah fungsi Majlis Raja-Raja Melayu?

- I Melantik jawatan penting
 - II Menjalin hubungan diplomatik
 - III Menjadi Lembaga Pengampunan
 - IV Memperkenan pindaan perlembagaan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 26 Rajah berikut menunjukkan struktur pentadbiran Persekutuan.



Berdasarkan rajah, apakah kesimpulan yang dapat anda berikan?

- A Konsep kesatuan
- B Sistem persekutuan
- C Pembahagian kuasa
- D Raja Berperlembagaan

- 27 Senarai Bersama ialah perkara yang membolehkan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri (DUN) menggubal undang-undang untuk perkara yang sama.

Apakah yang perlu dilakukan sekiranya terdapat percanggahan dalam perkara tersebut?

- A Merujuk kepada keputusan Majlis Raja-raja
- B Membicarakan dalam Mahkamah Persekutuan
- C Mendapatkan perkenan Yang di-Pertuan Agong
- D Mematuhi undang-undang yang diluluskan Parlimen

- 28 Senarai berikut menunjukkan program yang diperkenalkan demi kesejahteraan rakyat.

- Rumah Mesra Rakyat
- Rumah Selangorku
- Perbadanan Perumahan 1Malaysia

Apakah matlamat program tersebut dilaksanakan?

- A Melengkapkan kemudahan awam untuk rakyat
 - B Membantu golongan pertengahan memiliki rumah
 - C Merapatkan jurang sosioekonomi antara penduduk
 - D Membina rumah untuk golongan berpendapatan rendah
- 29 Idea pembentukan Malaysia oleh Tunku Abdul Rahman turut mendapat sokongan kerajaan British.

Mengapakah British menyokong cadangan tersebut?

- I Menamatkan ancaman Komunis
 - II Memperkukuh benteng pertahanan
 - III Mengelakkan campur tangan asing
 - IV Mempercepat kemerdekaan negara
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D II dan IV

- 30** Filipina merupakan antara negara jiran yang menentang pembentukan Malaysia.

Mengapakah negara tersebut bertindak sedemikian?

- A** Menuntut hak wilayah Sabah
- B** Menjejaskan ekonomi negara
- C** Mengancam keselamatan wilayah
- D** Melemahkan kuasa Kesultanan Sulu

- 31** Rusuhan kaum telah berlaku di Singapura pada 21 Julai 1964 yang menimbulkan ketegangan antara kaum.

Mengapakah peristiwa tersebut berlaku?

- A** Krisis perebutan kuasa pentadbiran
- B** Percubaan menuntut persamaan hak
- C** Perbuatan provokatif dalam berkempen
- D** Ketidakseimbangan dalam sosioekonomi

- 32** Maklumat berikut berkaitan perjanjian damai untuk melindungi rakyat daripada ancaman komunis.

Perjanjian Hat Yai telah ditandatangani antara Parti Komunis Malaya (PKM), kerajaan Malaysia dan Thailand pada 2 Disember 1989.

Apakah kesan daripada perjanjian tersebut?

- A** Pembinaan pagar sempadan
- B** Penguatkuasaan imigresen
- C** Penyelarasan kawalan
- D** Pembubaran PKM

- 33** Antara berikut yang manakah peranan Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) untuk memartabatkan bahasa Melayu?
- I Menggubal akta
 - II Menerbitkan buku
 - III Mengadakan bulan bahasa
 - IV Menambahkan pusat keilmuan
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 34** Kongres Kebudayaan Kebangsaan Kali Kedua diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pada 15 April 2017.
Apakah resolusi kongres tersebut?
- I Menyatukan bangsa melalui pendidikan
 - II Mempertahankan Perlembagaan Persekutuan
 - III Mengukuhkan Rukun Negara sebagai identiti bangsa
 - IV Memperkasakan bahasa Melayu sebagai bahasa ibunda
- A** I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV
- 35** Apakah strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN) untuk membasmi kemiskinan?
- A** Meneroka tanah secara besar-besaran
 - B** Memperbanyak sekolah jenis kebangsaan
 - C** Membuka kawasan pertanian di luar bandar
 - D** Melibatkan pihak swasta dalam pembangunan

- 36** Dasar Ekonomi Baru (DEB) dan Dasar Pembangunan Nasional (DPN) berjaya meningkatkan penyertaan bumiputera dan bukan bumiputera dalam pekerjaan di bandar dengan mewujudkan golongan masyarakat baharu.

Siapakah masyarakat tersebut?

- I Pemodal
 - II Peladang
 - III Penternak
 - IV Pengurusan
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
- 37** Apakah matlamat penggubalan dasar luar Malaysia?
- A Mengukuhkan ikatan sejarah
 - B Melindungi kepentingan nasional
 - C Membentuk kebolehan pemimpin
 - D Mendukung Piagam Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)
- 38** Malaysia memberi komitmen dan kerjasama yang penuh kepada Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).
- Bagaimanakah Malaysia menunjukkan komitmen tersebut?
- I Mendukung Piagam PBB
 - II Menyertai Rancangan Colombo
 - III Menjalinkan kerjasama pertahanan
 - IV Menyumbang dalam misi pengaman
 - A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 39 Maklumat berikut berkaitan isu tuntutan sempadan dan hak milik bertindih.

Kawasan	Negara Terlibat
Pulau Batu Putih	Malaysia dan Singapura
Pulau Sipadan dan Ligitan	Malaysia dan Indonesia

Bagaimanakah tuntutan tersebut diselesaikan?

- A Penguatkuasaan undang-undang
 - B Permuafakatan antara negara ASEAN
 - C Menggunakan Mahkamah Antarabangsa
 - D Membangkitkan isu dalam persidangan PBB
- 40 Pada tahun 1997-1998, kebanyakan negara Asia termasuk Malaysia menghadapi krisis ekonomi yang disebabkan oleh kejatuhan nilai ringgit.

Bagaimanakah kerajaan menangani krisis tersebut?

- A Menambat kadar mata wang
- B Meluaskan pasaran ekonomi
- C Meningkatkan pasaran domestik
- D Membangunkan sistem kewangan

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT